



Jaga imej Kuantan

KAKITANGAN MPK mengangkut papan tanda dan papan iklan haram yang dirobuhkan di sekitar Jalan Kuantan-Gambang.

Asrol Awang

am@hmetro.com.my

Kuantan

Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) akan mempergiatkan operasi meroboh papan tanda dan iklan haram di kawasan pentadbirannya kerana ia mencacatkan pemandangan di daerah ini.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK Izad Zainal Muhammad Safian berkata, kewujudan papan tanda haram juga mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya kerana ia diletakkan di

■ MPK giat operasi roboh papan tanda, iklan haram

HARIAN METRO 14/3/2017

simpang dan bahu jalan.

Katanya, papan tanda berkenaan juga tidak disusun dengan teratur dan bahasa digunakan tidak bersesuaian, sekali gus memberi kesan negatif.

“Ini kerana tahun ini ketika kerajaan Pahang giat mempromosikan Tahun Melawat Pahang (TMP) 2017,

papan tanda dan iklan dipasang di tepi jalan boleh mengelirukan pengguna jalan raya termasuk pelancong.

“Sudah pasti kita tidak mahu kewujudan papan tanda haram menjejaskan imej Pahang khususnya Kuantan yang akan menjadi tumpuan pelancong mengunjungi destinasi pelancongan di

daerah ini,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Baru-baru ini, 150 papan tanda dan iklan haram di sekitar Jalan Kuantan-Gambang, di sini, dirobuhkan pihak berkuasa tempatan (PBT) itu.

Beliau berkata, operasi yang turut mendapat kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) daerah membabitkan dua pasukan disertai 35 kakitangan.

“Kerja meroboh papan tanda dan iklan dilakukan kerana ada antaranya mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya termasuk menghalang pandangan,” katanya.

